



## NEGERI SABAH

[JPAN: 700-3/2 ( 50 )]

### PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 6/2017 BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2017

#### TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dan pesara Kerajaan.

#### LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya BKK sebanyak RM500.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di atas keprihatinan Kerajaan serta menghargai khidmat bakti penjawat awam.

3. Kerajaan juga bersetuju memanjangkan pemberian BKK sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

## **PELAKSANAAN**

4. BKK diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017 meliputi:

- 4.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan kontrak;
- 4.2 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 4.3 pegawai yang bercuti tanpa gaji;
- 4.4 pegawai yang dipinjam termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
- 4.5 pegawai lantikan politik yang berkhidmat di Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat; dan
- 4.6 pegawai lantikan vot terbuka.

## **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

5. BKK sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017.

## **PESARA**

6. BKK kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen dan penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

7. Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula secara sementara atau kontrak dan sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017 layak dibayar BKK sebanyak RM500.00 sahaja. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017.

#### **PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN**

8. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia sebelum atau pada 1 Jun 2017 layak dibayar BKK kepada penerima pencen terbitan sebanyak RM250.00.

#### **TARIKH PEMBAYARAN**

9. BKK sebanyak RM500.00 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri akan dibayar bersekali dengan pembayaran gaji bulan Jun 2017.

#### **TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN**

10. Pembayaran BKK ini adalah menjadi tanggungjawab jabatan di mana pegawai berkhidmat pada 2 Jun 2017.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

11. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## PEMAKAIAN

12. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA“



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)  
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 08 JUN 2017

s.k. Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan  
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
**88595 KOTA KINABALU**

Pengarah Audit  
Jabatan Audit  
**88990 KOTA KINABALU**

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah